

LAW OFFICE of B. H. KHOR
Advocates & Solicitors

B-3A-9, Strauss Lowrise, Mont Kiara Sophia
No. 2, Jalan Kiara 1, Mont Kiara
50480 Kuala Lumpur
Wilayah Persekutuan, Malaysia

KHOR BOON HOW

Your Ref.: IPJ/KS/08/12

Date: 12 November 2012

Our Ref.: Srm-km.Lit.0129.12. kbh

ASP Arsad bin Kamaruddin

Ketua Penolong Pengarah (Pematuhan)
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
Kementerian Dalam Negeri
Bahagian Penguatkuasaan
Aras 2, Bangunan Chancery Place
Jalan Diplomatik 2, Presint Diplomatik
62542 Putrajaya

Secara Faks & Pos
Faks: 03-88893706 /
03-88893667

Tuan,

**PER: ARAHAN MENGHADIRKAN DIRI UNTUK PENYIASATAN POLIS DI
BAWAH SEK. 111 KANUN PROSEDUR JENAYAH (“KPJ”)**

Kami mewakili En. Arutchelvan a/l Subramaniam. Kami merujuk kepada percubaan oleh pihak Tuan baru-baru ini untuk menyampaikan satu Notis yang kononnya di bawah seksyen 111 Kanun Prosedur Jenayah (“**KPJ**”) yang dikeluarkan oleh pihak Tuan bagi pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kepada anakguam kami (“**Notis tersebut**”).

Anakguam difahamkan oleh pihak Tuan bahawa pihak Tuan telah membuat keputusan untuk mengeluarkan Notis tersebut atas dasar bahawa kehadiran dan percakapan anakguam kami diperlukan bagi tujuan siasatan ke atas suatu aduan Muar berkenaan ‘Suara Rakyat Malaysia’ atau SUARAm (“**Aduan Muar tersebut**”).

Kami diarahkan oleh anakguam kami untuk menulis surat ini seperti berikut:

LAW OFFICE of B. H. KHOR
Advocates & Solicitors

1. Anakguam kami membantah pengeluaran Notis tersebut atas dasar-dasar berikut:
 - 1.1 Ia adalah tidak jelas samada anakguam kami adalah seorang saksi atau suspek dalam Aduan Muar tersebut dan pihak Tuan perlu menjelaskannya. Seperti yang pihak Tuan sedia maklum, setelah pemansuhan seksyen 113 KPJ, pihak polis tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk merakamkan percakapan seorang suspek.
 - 1.2 Selanjutnya, jika anakguam kami adalah seorang suspek, anakguam kami berhak mendapatkan sesalinan laporan maklumat pertama secara khususnya sesalinan Aduan Muar tersebut. Dalam apa jua keadaan, sila nyatakan secara bertulis kesalahan dan seksyen yang mana pihak Tuan sedang menyiasat.
 - 1.3 Tanpa menghiraukan di atas dan seperti yang pihak Tuan sedia maklum, seksyen 111 KPJ hanya dapat digunakan untuk mengarahkan kehadiran seorang saksi yang mengetahui fakta-fakta atau keadaan-keadaan kes yang sedang disiasat. Dalam ini, dari laporan-laporan media, siasatan pihak Tuan kononnya adalah berkenaan ‘Suara Rakyat Malaysia’ (SUARAM).
 - 1.4 Setakat ini, anakguam kami telah difahamkan dari laporan-laporan media dan kenyataan-kenyataan media oleh pihak-pihak relevan bahawa:
 - (a) Pihak Tuan telahpun merakamkan percakapan dari anggota-anggota dan wakil SUARAM, antara lainnya Cynthia Gabriel, R. Sivarasa, Kua Kia Soong dan Nalini Elumalai.
 - (b) Pihak Tuan telahpun juga menerima dokumen-dokumen berkenaan SUARAM dari anggota-anggota dan wakil SUARAM.

LAW OFFICE of B. H. KHOR
Advocates & Solicitors

- (c) Pihak Tuan sedang menyiasat SUARAM di bawah Akta Pertubuhan 1966 secara khususnya berkenaan perkara-perkara administratif dan pengendalian seperti dana, organisasi dan struktur SUARAM yang berkaitrapat dengan aduan SUARAM di Perancis berkenaan kes penyelewengan wang yang lebih dikenali sebagai ‘Scorpene’ (“Kes”).
 - (d) Serentak dengan siasatan pihak Tuan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) telahpun juga menyiasat SUARAM (atau akronimnya, Suara Inisiatif Sdn Bhd) dan merakamkan percakapan anggota-anggota dan wakil SUARAM serta menerima dokumen-dokumen berkenaan SUARAM. (Anakguam kami tidak dipanggil oleh SSM untuk merakamkan apa-apa percakapan.)
 - (e) Sebelum anakguam kami dipanggil untuk merakamkan percakapannya, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan iaitu Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah membuat kenyataan-kenyataan yang telah disiarkan di media bahawa siasatan berkenaan SUARAM sudah mencapai satu tahap di mana terdapat keterangan dan bukti untuk mendakwa SUARAM.
- 1.5 Berdasarkan perkara-perkara di atas dan untuk rekod, anakguam kami tidak mengetahui fakta-fakta dan keadaan-keadaan Kes yang sedang disiasat. Anakguam kami bukan seorang pengarah, kakitangan, anggota atau wakil SUARAM yang mempunyai apa-apa pengetahuan atau dokumen-dokumen relevan yang boleh membantu siasatan pihak Tuan. Kehadiran dan rakaman percakapan anakguam kami adalah tidak perlu.

LAW OFFICE of B. H. KHOR
Advocates & Solicitors

- 1.6 Pihak Tuan telah gagal mematuhi kehendak seksyen 111 KPJ terutamanya kerana anakguam kami bukan salah seorang individu yang mengetahui fakta-fakta dan keadaan-keadaan Kes yang sedang disiasat. Oleh itu, keputusan pihak Tuan untuk mengeluarkan Notis tersebut adalah salah di sisi undang-undang, tidak munasabah dan tidak rasional. Pihak Tuan diminta untuk menarik balik Notis tersebut dalam masa 48 jam dari penerimaan surat ini.
 - 1.7 Jika pihak Tuan tidak ingin menarik balik Notis tersebut, sila nyatakan secara bertulis alasan-alasan mengapa pihak Tuan masih berpendapat anakguam kami adalah seorang individu yang mengetahui fakta-fakta dan keadaan-keadaan Kes yang sedang disiasat yang memenuhi kehendak seksyen 111 KPJ.
 - 1.8 Walau apa pun, pihak Tuan tidak mempunyai bidangkuasa untuk mengeluarkan Notis tersebut bagi pihak Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.
2. Memandangkan di atas, anakguam kami merizabkan semua hak-haknya dan akan mengambil tindakan undang-undang di Mahkamah jika perlu.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Khor Boon How

s.k. anakguam